



Muhyiddin bersama Abang Johari (dua dari kiri), Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof (kiri); Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Seri Dr Radzi Jidin (kanan) pada Majlis Balai Rakyat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 di Kuching, semalam. (Foto BERNAMA)

## Penerima dua dos vaksin boleh rentas negeri

**Kuching:** Rakyat Malaysia yang sudah menerima dua dos vaksin COVID-19 akan dibenarkan merentas negeri dan ke luar negara tertentu, dengan syarat memiliki sijil pengesahan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata kerajaan sudah berbincang dengan beberapa negara bagi membolehkan rakyat dari Malaysia melakukan perjalanan ke destinasi terbabit.

Katanya, sijil akan diberi bagi membuktikan individu itu sudah menerima dua dos vaksin COVID-19, sekali gus menjadi pasport untuk bergerak.

# 'Permudahkan urusan di sektor awam'

PM mahu jabatan, agensi tambah baik khidmat kepada rakyat ikut keadaan semasa

Oleh Mohd Roji Kawi  
mdroji@nsp.com.my

**Kuching:** Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu prosedur merumitkan dalam urusan sektor awam perlu diubah dan ditambah baik bagi memperkasakan perkhidmatan terutama dalam situasi mencahar luar biasa ketika ini.

Tegas Perdana Menteri, pekeling sedia ada yang ditetapkan setiap jabatan dan agensi sudah teratur, namun ia perlu ditambah baik serta diselaras dengan keadaan semasa.

"Prosedur yang menjadi penghalang sehingga melewati sesuatu keputusan perlu diubah dan diperkemaskan dengan segera," katanya ketika berucap pada Majlis Perjumpaan Khas Perdana Menteri Bersama Penjawat Awam Sarawak di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Muhyiddin berkata, pandemik COVID-19 memberi kesan langsung bukan sahaja terhadap sektor ekonomi, tetapi juga sektor lain termasuk perkhidmatan awam.

"Antara cabaran terbesar ialah aspek penyampaian perkhidmatan kerajaan, bagaimana kita hendak menyampaikan perkhidmatan dan pelbagai bentuk bantuan terutama kepada rakyat di pedalaman yang masih agak terbatas kemudahan seperti infrastruktur asas dan capaian internet.

"Justeru, pemerkasaan sektor

awam adalah antara agenda penting yang sering ditekankan dalam kerajaan Perikatan Nasional (PN)," katanya.

Perdana Menteri memberi jaminan fokus utama kerajaan ialah memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan mesra rakyat supaya mesej dan bantuan dapat disalurkan secara efektif.

"Tumpuan harus diberi kepada

**Pemerkasaan sektor awam adalah antara agenda penting yang sering ditekankan dalam kerajaan Perikatan Nasional.**

Muhyiddin Yassin,  
Perdana Menteri

usaha mengurangkan kekangan birokrasi supaya kita dapat membantu masyarakat khususnya di kawasan luar bandar, contohnya di peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT), mana-mana peraturan yang didapati tidak lagi berkerman wajar diteliti semula dan ditambah baik.

"Permudahkan permohonan bantuan kepada rakyat, begitu juga permohonan peniaga, pengusaha dan pelabur. Pertimbangkan sebaik-baiknya," katanya.

Muhyiddin berkata, penjawat awam perlu mengadaptasi dan menyesuaikan diri dalam norma baharu supaya lebih peka dan benar-benar memahami denyut nadi rakyat.

"Saya harap penjawat awam terus berperanan sebagai pemudah cara untuk memudahkan urusan masyarakat dalam komuniti masing-masing selaras dengan agenda pemerkasaan sektor awam.

"Penggunaan teknologi secara

meluas pasca COVID-19 dalam perkhidmatan awam sudah pasti dapat memberi nilai tambah terhadap penyampaian perkhidmatan kerajaan," katanya.

Perdana Menteri turut mengadakan kunjungan hormat ke atas Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud, di kediaman rasminya di Demak Jaya, Jalan Bako, di sini.

Muhyiddin tiba jam 3.09 petang dengan diiringi Abang Johari dan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan.

Antara pengisian jadual lawatan kerja dua hari Perdana Menteri ke Bumi Kenyalang ialah menghadiri taklimat Hala Tuju Kerajaan Sarawak, melawat Pusat Pemberian Vaksin Bahagian Kuching di Stadium Perpaduan, sesi pendengaran awam 'Wawasan Kemakmuran Bersama 2030' serta perjumpaan bersama Ketua Menteri Sarawak dan pemimpin Gabungan Parti Sarawak (GPS), malam tadi.